

19 SEP 2002

Mahkamah-Buniamin (Bergambar)

BUNIYAMIN DIDAKWA MEMFITNAH DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 19 Sept (Bernama) -- Pegawai Penerangan PAS Kelantan, Buniamin Yaacob dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas tuduhan memfitnah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Buniamin, 56, didakwa memfitnah Dr Mahathir melalui pertuturannya dalam ceramah di Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan di sini, antara pukul 10 malam dan 11.30 malam pada 15 Mac lepas.

Di ceramah itu, Buniamin dikatakan mendakwa Perdana Menteri menonton video lucu bersama cucunya.

Dalam pertuduhan itu, Buniamin didakwa mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa toman berkenaan akan menjejaskan nama baik Dr Mahathir.

Buniamin yang juga bekas anggota Parlimen Bachok didakwa mengikut Seksyen 500 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Buniamin yang kelihatan uzur berada atas kerusi roda dengan pakaian hijau Hospital Kota Baharu (HKB) memahami pertuduhan terhadapnya dan meminta beliau dibicarakan.

Hakim Mohd Yazid Mustafa menetapkan 5, 6 dan 7 Nov ini untuk perbicaraan kes itu.

Mohd Yazid membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM7,000 dengan seorang penjamin. Tertuduh membayar wang jaminan berkenaan.

Sepanjang prosiding mahkamah itu, beliau ditemani oleh isterinya Norhaiti Ibrahim, jururawat dan doktor dari HKB.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Nordin Hassan, Azmi Ariffin dan Dzulkifli Ahmad manakala tertuduh diwakili Karpal Singh dan Wan Jawahir Harun yang bertindak sebagai peguam pemerhati bagi pihak PAS Kelantan.

Buniamin tiba di mahkamah berkenaan pada pukul 9.40 pagi dibawa dengan sebuah ambulans HKB kemudiannya diusung menggunakan kerusi roda terus masuk ke mahkamah berkenaan.

Yang turut mengiringi Buniamin ialah Setiausaha PAS Kelantan, Wan Ismail Wan Jusoh, Ketua Penerangan PAS Kelantan Zulkifli Mamat, Penasihat Undang-Undang PAS Kelantan Takiyuddin Hassan.

Orang ramai termasuk penyokong PAS memenuhi galeri awam untuk mendengar kes berkenaan.

Terdahulu, Hakim Mohd Yazid menolak bantahan awal terhadap yang dikemukakan oleh Karpal Singh.

Karpal dalam hujahnya memohon mahkamah menolak pertuduhan itu kerana ia dibuat tidak selaras dengan kehendak Seksyen 131 Kanun Prosedur Jenayah.

Beliau berkata pengadu dalam kes itu bukannya Dr Mahathir iaitu orang yang kena fitnah sebaliknya ia dibuat oleh orang awam iaitu Kamarul Bahrin Awang dari Bunut Susu, Pasir Mas.

Nordin dalam hujah balasnya berkata kes seumpama itu boleh dibuat oleh orang awam sebagai tindakan untuk memulakan siasatan.

Beliau berkata kes yang dihadapi tertuduh adalah kes jenayah dan Pendakwa Raya mempunyai kuasa untuk membuat pendakwaan.

Pendakwaan akan memanggil sembilan saksi bagi perbicaraan itu.

-- BERNAMA

BD RAR PR